

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	09 FEBRUARY 2017

# Dalang sembunyi kerugian BNM dicari

UM - 9/2/2017

**PUTRAJAYA 8 Feb.** - Kabinet akan membincangkan mengenai dalang yang bertanggungjawab menyembunyikan kerugian besar Bank Negara Malaysia (BNM) sebanyak AS\$10 bilion (RM44 bilion) melalui kegiatan perdagangan mata wang asing sepanjang 1991 hingga 1993 pada minggu hadapan.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin berkata, perkara itu perlu diperhalusi dan diteliti kerana skandal tersebut telah berlaku lebih 25 tahun lalu serta melibatkan individu yang telah tiada.

“Kita kena ingat bahawa terdapat individu seperti bekas Gabenor BNM, Tan Sri Jaafar Hussein yang memegang jawatan tersebut ketika itu telah meninggal dunia.

“Berikutan itu, Kabinet akan mengadakan perbincangan sekali lagi pada minggu hadapan bagi mendapatkan gambaran lebih jelas sama ada berlakunya *cover up* atau usaha untuk menutup kes ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas desakan pelbagai pihak yang mahukan supaya Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ditubuhkan bagi menyiasat skandal Bumiputra Malaysia Finance Ltd. (BMF) dan perdagangan mata wang asing oleh BNM yang dikaitkan dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Terdahulu, beliau menyerahkan bendera Jalur Gemilang kepada kontinjen Malaysia ke Sukan Asia Musim Sejuk 2017



**KHAIRY JAMALUDDIN menyerahkan Jalur Gemilang kepada Ketua Kontinjen Malaysia ke Sukan Asia Musim Sejuk 2017, Mohd. Fazli Johan di Putrajaya, semalam. - BERNAMA**

di Sapporo, Jepun di Bangunan Kementerian Belia dan Sukan di sini hari ini

Khairy berkata, isu mengenai kerugian oleh BNM ketika itu bukan merupakan perkara baharu dan telah diketahui umum namun kini timbul persoalan sama ada berlakunya kerugian lebih besar yang telah disembunyikan.

Beliau berkata, sekiranya berlaku kerugian yang lebih besar daripada dijangkakan, timbul persoalan siapakah individu yang mengarahkan supaya kes tersebut disembunyikan.

“Kalau ada *cover up* siapakah yang telah mengarahkannya. Itu menjadi persoalan paling penting yang perlu kita semua dapatkan kepastian,” katanya.